


# DUNIA KANVAS AISHAH

**KARYA** kreatif wanita ini umpama gambaran jiwa yang hanya boleh ditafsirkan menerusi fikiran mereka yang bijak bermain imaginasi. Mungkin bagi sesetengah individu, tiada apa yang istimewa pada karya yang diterjemahkan oleh Nor Aishah Alli ini. Namun, bagi individu yang cintakan seni, karya tersebut punya nilai yang cukup tinggi mencecah belasan ribu ringgit.

oleh **NURUL HUDA ZULKIFLI & NUR SYAFIQAH AHMAD REDZUAN**  
foto: **SITI ROHAIDA ZULKIFLI**



Aishah bersama  
sebahagian karyanya  
yang dijual dengan harga  
lingkungan RM500 hingga  
RM16,000.



Meskipun baru lima bulan berkecimpung dalam seni lukisan berasaskan cat minyak, wanita anggun berusia 35 tahun ini sudah mampu menarik nafas lega apabila karyanya semakin diterima ramai. Bakat seninya bukan hanya diterima oleh masyarakat tempatan, bahkan turut mendapat perhatian peminat dari luar negara.

Peluang bertemu dengan Aishah di Isyah Art Gallery, Palm Spring Condominium, Kota Damansara. Selangor sedikit sebanyak membuka minda kami terhadap seni lukisan berasaskan cat minyak. Seni lukisan ini dianggap cukup popular di negara luar, biarpun kurang mendapat tempat di hati rakyat Malaysia.

Sedar dengan situasi tersebut, anak kelahiran Ipoh, Perak ini tetap berbandangan jauh. Dia tidak mahu menjadikan stigma masyarakat Malaysia terhadap seni lukisan sebagai penghalang untuknya mengapai impian. Tuturnya, bila mana pilihan telah dibuat, maka langkah harus disusun semoleknya agar cita-citanya untuk bergelar pelukis terama menjadi nyata.

"Saya tak boleh ubah minda masyarakat yang memandang sebelah mata terhadap seni lukisan berasaskan cat minyak. Mungkin segelintir mereka tidak tahu menilai keistimewaan lukisan cat minyak ini. Atas alasan itulah mereka mempertikaikan nilai harganya yang mencecah ribuan ringgit.

"Namun bagi saya, tiada apa yang boleh menghalang keinginan saya untuk berjaya dalam bidang ini. Memang saya akui, memilih bidang Landscape & Self Portrait Oil Painting ini adalah percaturan yang akan menentukan masa depan saya. Akan tetapi atas dasar minat yang mendalam, saya yakin dengan pilihan ini.

"Saya tidak menyesal meninggalkan kerjaya sebagai Pereka Struktur di sebuah syarikat di ibu kota semata-mata untuk memberi sepenuh tumpuan pada seni lukisan ini. Menukar bidang kerjaya adalah satu cabaran yang pada awalnya agak sukar. Ia perlukan kekuatan mental dan fizikal. Saya perlu kemaskan minda dan arah tuju saya

untuk berjaya dengan karier pilihan ini.

"Tidak ramai wanita di luar sana yang berani menceburi bidang yang sukar terutama dalam keadaan ekonomi yang kurang baik ketika ini. Jadi, saya harap pilihan saya dapat membuka minda wanita di luar sana agar berani mengambil risiko untuk memilih kerjaya yang menjadi minat dan dekat dengan jiwa kita.

"Nampaknya pilihan saya tepat. Alhamdulillah sehingga hari ini, daripada 25 lukisan yang saya hasilkan, sebanyak enam telah berjaya dijual. Kebanyakan pelanggan saya adalah dari laman sosial profesional Linked In dari luar negara seperti Amerika Syarikat, Rusia dan Sepanyol. Saya gembira kerana mereka menghargai karya saya," ujarnya.

## TEPIS STIGMA NEGATIF

Mengorak langkah dalam bidang kurang popular di kalangan masyarakat tempatan sememangnya percaturan berani buat Aishah. Bagaimanapun, anak bongsu daripada lima bersaudara ini semakin bijak mengatur langkahnya agar tidak kecundang di tengah jalan.

"Bagi saya, apa jua pilihan kerjaya pasti tidak lengkap tanpa hadirnya cabaran. Sebagai individu yang bekerja sendiri, soal kewangan adalah perkara yang menjadi kekangan utama. Apatah lagi saya masih setahun jagung dalam bidang ini. Seperti yang kita tahu, hasil seni tidak mudah terjual terutama di Malaysia.

"Namun mungkin ramai yang tidak tahu bahawa hasil seni bila sekali mendapat hasil jualan, ia memang amat berbaloi. Jadi, saya harus yakin

dengan kuasa Allah dan berdoa agar rezeki tidak putus. Saya tidak mahu terlalu memikirkan soal 'kesukaran' kerana yakin setiap daripada kita punya rezeki yang tersendiri.

"Biarpun ada pihak yang cuba memadamkan api semangat dengan mengatakan saya tidak boleh berjaya



Mula bertapak pada Disember 2016, Aishah turut berkolaborasi bersama Bright Kids, Kota Damansara dan UIA Gombak.



dalam bidang ini, ia sedikit pun tidak meruntuhkan keyakinan saya. Saya yakin dengan kemampuan diri dan bersyukur kerana berjaya menepis semua kata negatif yang dilemparkan. Apa yang penting emak, Halijah Din, 72, serta keluarga saya memberi sepenuh sokongan.

"Awalnya, saya memang tidak maklum pada emak akan karier pilihan saya kerana bimbang dia tidak



bersetuju. Selepas agak stabil, barulah saya beranikan diri untuk memberitahunya ketika ulang tahun kelahirannya yang lalu. Sebagai ibu, sudah tentu dia memberi kata-kata sokongan pada anaknya ini. Semangat emak adalah kekuatan saya untuk berjaya," luahnya tersenyum.

## BELAJAR SENI DI TUNISIA

Berebalkan semangat itu, Aishah kini sedang mengintai peluang untuk mengasah lagi bakat seninya. Memilih Tunisia sebagai lokasi untuk melengkapkan diri secara mendalam mengenai ilmu seni lukisan cat minyak. Aishah berharap kesempatan itu akan mencambahkan lagi kreativitinya dalam setiap karya yang diterjemahkan.

"Insyallah jika tiada aral melintang, saya akan terbang ke Tunisia selama tiga bulan untuk mendalami ilmu lukisan cat minyak. Disana, saya mempunyai rakan yang berpengalaman dalam seni ini dan beliau sudi mengajar saya secara percuma. Tidak salah untuk saya belajar daripada mereka yang lebih berpengalaman kerana bekalan ilmu itu

pastinya amat berguna kelak.

"Saya mahu buktikan bahawa orang Melayu terutama wanita juga boleh menjadi peneraju yang berjaya dalam bidang ini. Bagi saya, apa salahnya jika saya pertahankan dari popularakan seni lukisan cat minyak agar mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia. Saya mahu buka minda masyarakat kita tentang betapa indah dan istimewanya seni lukisan ini.

"Masyarakat kita perlu sedar bahawa proses untuk menghasilkan sesebuah lukisan itu bukan mudah. Menghasilkan lukisan minyak memerlukan kesabaran dan kekuatan mental yang sangat tinggi kerana perlu bermain

dengan warna asas bagi menghasilkan ton warna yang diinginkan. Ia mengambil masa yang lama kerana perlu membuat lapisan demi lapisan bagi mendapatkan warna yang sesuai.

"Lukisan cat minyak lebih tahan lama berbanding lukisan yang dibuat menggunakan cat lain. Warnanya akan menjadi semakin cantik dan terang malah bertahan lebih lama. Berbeza dengan warna air dan acrylic, warnanya akan pecah dan pudar sekiranya terkena cahaya matahari. Jadi tidak hairanlah jika nilainya sangat tinggi," jelas Aishah yang mempelajari ilmu cat minyak melalui YouTube.

Lukisan yang berkonsepkan nature.



Bersama kakak dan abang ipar yang banyak membenarkan sokongan kepadanya.

